

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Friday, November 16, 2018 8:49 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Tanggungjawab Menuntut Ilmu Tidak Akan Berakhir



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

16 NOVEMBER 2018 / 8 RABIULAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

TANGGUNGJAWAB MENUNTUT ILMU TIDAK AKAN BERAKHIR



UUM ONLINE: Graduan diingatkan bahawa tugas dan tanggungjawab dalam menuntut ilmu tidak berakhir pada hari mereka bergraduasi sahaja.

Pro-Canselor, Tun Dato' Sri (Dr.) Ahmad Fairuz Dato' Sheikh Abdul Halim berkata, sebagai seorang insan, adalah menjadi tanggungjawab untuk terus menuntut ilmu dan lebih penting ialah melaksanakan apa yang telah dipelajari bagi tujuan faedah dan kebaikan masyarakat sejagat.

Menurutnya, dalam cerita-cerita epik Melayu, pencarian ilmu sentiasa diletakkan sebagai suatu keutamaan, contohnya pada zaman dahulu ilmu dicari melalui kembara perguruan dan pertapaan di gua-gua serta mahaguru juga dijemput untuk mengajar golongan bangsawan di istana.

Katanya, tuntutan untuk mencari ilmu berterusan sehingga tokoh-tokoh seperti Tun Seri Lanang, Munshi Abdullah, Al-Syaikh Al-Adib Ahmad Zain Al-Fatani, Hamzah Fansuri, Shamsuddin Al-Sumatrani dan Sheikh Nuruddin Al-Raniri banyak memberi sumbangan dalam mengembangkan tradisi keilmuan di Alam Melayu.

"Hari ini, semua graduan telah berjaya menurut jejak langkah menerokai ilmu dalam bentuk yang lebih formal dan tersusun, namun begitu, perjuangan dalam meneruskan tradisi keilmuan ini tidak sewajarnya berakhir di sini dan pada hari ini sahaja.

"Ilmu yang dituntut perlulah diamalkan dan siapa yang tidak mengamalkan ilmu yang diperolehi, nescaya sia-sialah ilmunya umpama pohon kayu yang lebat daunnya namun tidak berbuah," katanya pada sesi terakhir Majlis Konvokesyen Ke-31 UUM di Dewan Mu'adzam Shah.

Pro-Canselor berkata, ilmu yang dapat diamalkan ialah ilmu yang dipelajari dengan akal dan hati sehingga bersatu dalam jiwa dan tingkah laku serta boleh dimanfaatkan dalam kehidupan masyarakat secara keseluruhan.

Menurutnya, untuk membolehkan ilmu yang dipelajari diamalkan, graduan hendaklah melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti komuniti atau apa yang dikenali sebagai *community engagement*.

Katanya lagi, penglibatan dalam komuniti ini merupakan proses kerjasama dengan ahli masyarakat secara individu atau kumpulan yang merentasi faktor geografi, minat dan situasi dalam menangani isu yang berkaitan dengan kesejahteraan masyarakat.

"Ia merupakan mekanisme hebat yang mampu membawa perubahan dan peningkatan kesejahteraan masyarakat serta berfungsi sebagai pemangkin kepada kerjasama antara ahli masyarakat dalam penyelidikan dan penggubalan dasar.

"Masyarakat hari ini amat memerlukan penglibatan para ilmuwan untuk sama-sama berganding bahu membina kesejahteraan dan beberapa peristiwa yang berlaku kini menuntut sumbangan kita kepada masyarakat dengan ilmu dan pengalaman yang dilalui di universiti ini," katanya.

Menurut beliau lagi, terpulang kepada kesediaan graduan mencari ruang dan peluang untuk turut serta berkongsi ilmu, menabur bakti, di samping mempraktikkan apa yang dipelajari.

Katanya, sesungguhnya dengan ilmu, hidup akan menjadi lebih mudah dan dengan agama, hidup akan menjadi lebih terarah.

"Ilmu itu lebih baik daripada harta, ilmu menjaga anda dan anda menjaga harta. Harta itu akan berkurang jika dibelanjakan, tetapi ilmu akan bertambah jika diamalkan," ujarnya.

Pada sesi kesembilan yang merupakan sesi terakhir ini meraikan 773 graduan terdiri pelajar program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) dan kerjasama di bawah Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE) dan UUMKL.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.